

**Company Name** : Alam Maritim Resources Berhad  
**Date** : 22 October 2015  
**Source** : Utusan Malaysia


## Alam Maritim dianugerah projek Petronas RM53.5 juta

**KUALA LUMPUR 21 Okt.** - Alam Maritim Resources Bhd. dianugerahkan projek subkontrak bernilai RM53.5 juta daripada Petroliaam Nasional Bhd (Petronas).

Syarikat tersebut memberitahu, Alam Maritim (M) Sdn. Bhd. (Alam Maritim), yang juga anak syarikat milik penuhnya memperoleh surat anugerah daripada Petronas Floating LNG 1 (L) Ltd., anak syarikat milik Petronas.

Katanya, tempoh subkontrak ini bermula dari 15 Jun 2015 hingga 30 April 2016.

Subkontrak itu melibatkan projek gas asli cecair terapung (FLNG) untuk kedudukan akhir kerja-kerja



luar pesisir dan sistem tambatan sambungan termasuk pemasangan pancur fleksibel, pra-pemasangan dan pemasangan saluran paip, terminal akhir saluran paip dan pancur daripada KAKG ke FLNG.

“Kerja-kerja ini dijangka menyumbang secara positif kepada pendapatan dan aset ketara bersih Alam Maritim untuk tahun kewangan berakhir 31 Disember 2015 dan seterusnya,” katanya dalam makluman kepada Bursa Malaysia di sini hari ini.